KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	21.03.22	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	JMG			

'Tunggu empat bulan baru dapat pulang'

AMPANG JAYA – Kesemua penghuni di Taman Bukit Permai 1 dan 2 yang diarahkan mengosongkan rumah ekoran kejadian tanah runtuh pada 12 Mac lalu dijangka hanya dapat pulang ke kediaman masing-masing selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Pengurus Bahagian Pembinaan, Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram), Mohd. Hafiz Mohd. Razali berkata, kerja-kerja pembaikan kawasan runtuhan termasuk proses pemakuan tanah bagi mengelakkan gelongsoran baharu akan dimulakan esok.

"Proses pemakuan tanah terbabit akan dilaksanakan sepanjang 12 meter. Selain itu, kita turut akan memasang *weep holes* serta menyembur konkrit bagi menstabilkan tanah," katanya pada sidang akhbar di Dewan Majlis Perbandaran Ampang Jaya, di sini semalam.

Jelas Mohd. Hafiz, kesemua proses pembaikan tersebut dijangka memakan masa antara tiga hingga empat bulan bagi memastikan kawasan itu selamat untuk diduduki penduduk.

Sementara itu, Jurutera Awam Jabatan Kerja Raya (JKR), Nursalbiah Hamidun berkata, pihaknya telah memasang alatan mengesan pergerakan tanah di kawasan



KERATAN *Kosmo!* 13 Mac 2022.

runtuh di Taman Bukit Permai 1 bagi mengetahui jumlah pergerakan tanah di lokasi tersebut.

"Jika jumlah pergerakan tanah melebihi nilai ambang ditetapkan dan melepasi tahap bahaya, pihak berkuasa tempatan serta penduduk akan dimaklumkan berhubung perkara itu," katanya.

Dalam pada itu, ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Mohammad Firdaus Babh berkata, kebajikan penduduk yang terjejas dalam insiden berkenaan sentiasa menjadi keutamaan dan kerajaan negeri bakal mengumumkan bantuan tambahan kepada mereka yang terjejas.

Pada 12 Mac lalu, satu kejadian tanah runtuh dilaporkan berlaku di Taman Bukit Permai 2 di sini, yang meragut empat nyawa, manakala seorang lagi cedera ringan.